

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : Tuan Su Keong Siong  
[ Kampar ]**

**SOALAN : 23**

**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan dengan kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) yang telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2018. Apakah Kerajaan juga sedang mempertimbangkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik (*automatic registration of voters*) dan pemutihan Daftar Pengundi sebagai salah satu langkah pembaharuan sistem pilihan raya.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjalankan fungsi pendaftaran pemilih sentiasa mensasarkan matlamat menghasilkan daftar pemilih yang berwibawa dan diyakini oleh semua pihak untuk diguna pakai dalam suatu pilihan raya umum atau kecil. Justeru, SPR sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak terhadap sistem pendaftaran pemilih termasuklah sistem pendaftaran pemilih secara automatik.
2. Berhubung dengan cadangan pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik, SPR sedang meneliti dan menjalankan kajian lanjut yang melibatkan pindaan kepada undang-undang sedia ada, perubahan proses dan prosedur kerja urusan pendaftaran pemilih serta keperluan sistem dan peralatan serta implikasi kewangan yang berkaitan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR juga melaksanakan pembersihan daftar pemilih di bawah Peraturan 10 dan 25 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 melalui kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu mengeluarkan nama pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan.

## NO. SOALAN: 23

4. Di samping itu, SPR juga melalui kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membuat pengemaskinian lokaliti bagi pesara tentera serta pasangan dan pesara polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) daripada lokaliti tentera/polis kepada lokaliti awam. Ini untuk memastikan hak mereka untuk mengundi kekal terpelihara.

5. SPR juga telah mewujudkan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih di mana jawatankuasa tersebut sedang membuat penelitian yang menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih dan seterusnya mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR kelak. SPR juga telah dan sedang melaksanakan kerjasama strategik dengan jabatan/agensi, badan bukan kerajaan dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap daftar pemilih yang disediakan oleh SPR.

6. Selain itu, SPR sentiasa berusaha untuk memastikan setiap cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan jayanya serta menepati kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.